

13 MAR 1996

Hamid

PRESIDEN RAMOS SANJUNG USAHA MALAYSIA BANTU BANGUNKAN FILIPINA

Oleh: Zainal Abidin Bujal

MANILA, 13 Mac (Bernama) -- Presiden Fidel Ramos menyanjung usaha Malaysia membuat pelaburan di Filipina bagi membantu pembangunan republik itu, terutama di wilayah selatannya.

Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata Ramos berterima kasih di atas pelaburan yang dicurahkan oleh Malaysia termasuk bagi meningkatkan taraf hidup penduduk Islam di Mindanao dan bahagian lain di selatan negara itu.

Syed Hamid berkata perkara itu dinyatakan oleh Ramos semasa beliau membuat kunjungan hormat kepadanya di Istana Malacanang di sini semalam.

Dalam pertemuan sejam itu, Ramos turut menyatakan hasratnya untuk menghantar para pegawai Filipina ke Malaysia untuk mempelajari pengalaman negara melaksanakan pembangunan.

Syed Hamid berkata Filipina berminat mencontohi pendekatan Malaysia bagi membangunkan negara memandangkan republik itu sedang rancak memajukan ekonominya bagi mencapai matlamat Wawasan 2000nya.

Mengenai pertemuannya dengan Setiausaha Pertahanan Renato de Villa, Syed Hamid berkata mereka berbincang mengenai usaha mengeratkan lagi hubungan kedua-dua negara dalam bidang pertahanan.

Katanya, Filipina berharap kerjasama antara angkatan bersenjata kedua-dua negara diperluaskan bukan sahaja di peringkat pegawai tertinggi malah meliputi pegawai peringkat bawahan.

Katanya, di samping mengadakan latihan-latihan bersama, Filipina juga berminat agar anggota tentera kedua-dua negara terlibat dalam pertukaran latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran masing-masing.

Bagaimanapun, katanya, soal latihan bersama boleh diperbincangkan secara terperinci dalam suruhanjaya bersama Filipina-Malaysia.

"Kita perlu berhati-hati dalam soal latihan bersama ini kerana kita tidak mahu akhirnya pihak lain menyalah anggap bahawa kita akan menjadi satu blok keselamatan," katanya.

"Apa yang saya lihat daripada hasil lawatan singkat saya ini ialah Filipina sungguh berminat untuk mempelajari pengalaman Malaysia. Lawatan ini berjaya menghasilkan kefahaman bagi meneruskan hubungan erat yang telah diasas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ramos," katanya.

Mengenai latihan ketenteraan China berhampiran Taiwan, Syed Hamid berkata Malaysia berharap pertikaian antara China dan Taiwan tidak akan menjadi lebih tegang hingga boleh menjejaskan keamanan dan kestabilan politik di rantau ini.

"Saya tidak anggap China akan mengambil tindakan agresif kerana mereka lebih melihat kepada kepentingan antarabangsa secara keseluruhan.

"Pendirian yang diambil oleh China pada masa ini adalah soal kedaulatan dan integriti yang mereka anggap penting bagi negara mereka. Saya fikir mereka hendak tunjukkan kepada dunia bahawa China tidak akan berkompromi dalam soal-soal yang mereka pegang teguh," katanya kepada Bernama sebelum berlepas pulang ke tanah air malam tadi.

Inilah lawatan pertama Syed Hamid ke Filipina selepas mengambil alih Kementerian Pertahanan daripada Datuk Seri Najib Tun Razak yang bertujuan meningkatkan kerjasama dua hala, khususnya di bidang pertahanan.

Yang mengiringi beliau dalam lawatan itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Azizan Hashim, Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Laksamana Madya Datuk Ahmad Ramli Haji Mohamad Nor dan Duta

Malaysia ke Filipina, Datuk Noor Adlan. -- Bernama.
ZAB AHH